



PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 11/1973

Penyediaan Suratcara Gadaian Borang-Borang 16A atau 16B

Surat Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberi nasihat kepada Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah dalam menyediakan suratcara gadaian dengan menggunakan Borang 16A atau 16B Kanun Tanah Negara.

2. Seksyen 207(1) Kanun Tanah Negara membekalkan bahawa sesuatu suratcara mestilah menggunakan borang-borang di dalam Jadual Pertama dan perbezaan hanyalah dibenarkan untuk menemui kehendak-kehendak keperibadian pihak-pihak atau kedudukan yang lain dengan syarat isi kandungan dan maknanya tidak berubah. Seksyen 301(b) Kanun Tanah Negara membekalkan iaitu pada menimbang kesesuaian suratcara untuk pendaftaran, salah satu kehendak-kehendaknya ialah borang suratcara itu mestilah memenuhi perbekalan-perbekalan sekyen 207(1) Kanun Tanah Negara (salah satu perbekalan-perbekalan di bawah Bahagian Tiga Belas). Jika sekiranya Borang 16A atau Borang 16B yang digunakan itu *mengandungi atau dituliskan* dengan perkataan-perkataan perbekalan berhubung dengan pembayaran, *kadar faedah* dan lain-lain maka bolehlah dianggap isi kandungan dan makna borang itu telah berbeza daripada borang yang dimaksudkan oleh Jadual Pertama.

3. Arahan berkaitan dengan penyediaan borang di item 3 dan item 4 Jadual Kesepuluh Kanun Tanah Negara yang diperturunkan di bawah ini adalah terpakai dalam urusan menyediakan Borang 16A atau Borang 16B :

“(3) Seseorang yang berhajat hendak menggunakan sesuatu borang bolehlah, selain daripada menggunakan borang yang telah dicetak di bawah seksyen 376, menggunakan borang yang telah dicetak ataupun ditaipnya sendiri dan, jika ianya berbuat demikian, ia boleh meninggalkan mana-mana perkataan yang tidak terpakai dalam kes tersebut.

(4) Ruangan yang kosong di dalam sesuatu borang bolehlah dipenuhi dengan tulisan tangan ataupun ditaip.”

Semasa menyiapkan Borang 16A dan Borang 16B menurut kehendak item 3 Jadual Kesepuluh, perlulah diambil ingatan bahawa perkataan-perkataan “Lampiran” dan “Perbekalan berhubung dengan pembayaran kadar faedah” dalam Borang tersebut ialah bermaksud dijadikan satu arahan. Perkataan-perkataan tersebut adalah sebagai petunjuk kepada mukasurat di atas mana lampiran yang mengandungi perkataan yang berhubung dengan pembayaran kadar faedah dan lain-lain hendak dilekatkan atau dilampirkan. Di dalam Borang 16A atau 16B yang telah dicetak, ruangan di bawah perkataan “Lampiran” (Perbekalan berhubung dengan pembayaran, kadar faedah dan lain-lain) bukanlah satu ruangan yang dimaksudkan oleh item 4 Jadual Kesepuluh. Adalah juga perlu bagi mereka yang menandatangani borang tersebut menurunkan tandatangan di dalam Lampiran itu sebagai keterangan.

4. Pendaftar-pendaftar Hakmilik Tanah dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dinasihatkan supaya menentukan tiap-tiap Borang 16A atau 16B Kanun Tanah Negara yang diserahkan itu telah disiapkan menurut kehendak Undang-undang yang dibincangkan di perenggan 2 dan 3 di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan

P.T.TM 119

Kuala Lumpur,
November, 1973.